



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN
BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN
TAHUN 2024**

15 OKTOBER 2024 (SELASA) 11.30 pagi

NILAI SPRINGS RESORT HOTEL, NEGERI SEMBILAN

Terima kasih Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Selamat pagi dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini di majlis pelancaran **Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024**. Syabas dan tahniah kepada Lembaga Kaunselor Malaysia dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menggembleng tenaga menjayakan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

SEJARAH BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN

2. Bermula pada tahun 2016, bulan Oktober telah diisytiharkan sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan selaras dengan sambutan **Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada 10 Oktober** setiap tahun. Sambutan ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam mempromosikan dan memperkasakan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental bagi

menangani peningkatan isu kesejahteraan mental saban tahun. Ia juga bagi meningkatkan martabat profesion kaunseling di Malaysia. Selain mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling.

TEMA BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2024

3. Pada tahun ini '**TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI**' telah dipilih sebagai tema sambutan selaras dengan agenda nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan penerapan nilai ihsan yang mampan, sejahtera, saling menghormati, bersikap prihatin dan saling empati yang menjadi teras kesejahteraan masyarakat Malaysia.
4. Pemilihan tema ini memperlihatkan keprihatinan kerajaan dalam memperkasakan kesejahteraan mental masyarakat Malaysia yang kini terdedah dengan ancaman proses globalisasi seperti isu psikososial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Justeru, peri pentingnya sokongan pengurusan mental berkualiti bagi menjamin kestabilan pengurusan emosi, dan pemupukan daya resiliensi masyarakat dalam usaha mendepani ancaman-ancaman ini.
5. Takrifan Tekad Empati berdasarkan perspektif psikologi merujuk kepada keteguhan hati, keazaman dan kesungguhan untuk memahami dan menyelami emosi serta pengalaman orang lain. Saya yakin dengan integrasi nilai yang ada pada kaunselor, dapat

memandu masyarakat untuk mencapai kemandirian dan kesejahteraan diri serta melahirkan individu yang stabil daripada segi emosi dan mental, seterusnya mewujudkan tingkah laku positif serta produktif.

6. Empati, yang diukur melalui akronim **UFA (Understand, Feel, Action)**, melibatkan pemahaman, perasaan, dan tindakan responsif terhadap orang lain. Tekad empati yang tulus penting untuk mencapai keseimbangan emosi dan mental dalam persekitaran yang mencabar. Usaha berterusan untuk mengintegrasikan elemen empati dalam masyarakat diperlukan untuk membentuk individu yang sejahtera dan berdaya tahan. Di sinilah peranan anggota kaunselor amat diperlukan bagi memberikan sokongan kepada masyarakat bagi mencapai kesejahteraan mental.

SITUASI KESIHATAN MENTAL MASYARAKAT DI MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Melihat kepada situasi kesihatan mental masyarakat di Malaysia, Laporan National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 mencatatkan hampir sejuta kanak-kanak berusia 5 hingga 15 tahun di Malaysia mengalami isu kesihatan mental, dengan peningkatan dari 7.9% (424,000) pada 2019 kepada 16.6% (922,318) pada 2023. Ini bermakna 1 daripada 6 kanak-kanak kini menghadapi masalah tersebut, dan golongan muda lebih terdedah kepada kemurungan.

8. Di kalangan golongan dewasa, isu kesihatan mental juga membimbangkan. Laporan NHMS menunjukkan satu juta (4.6%) individu berumur 16 tahun ke atas mengalami kemurungan, dengan jumlah ini meningkat dua kali ganda dalam empat tahun. Hampir separuh daripada mereka berfikir untuk mencederakan diri atau mengakhiri hidup.
9. Tren kematian bunuh diri juga meningkat, dengan 1,087 kes direkodkan pada 2023 berbanding 981 kes pada 2022. Faktor-faktor seperti isu psikososial, persekitaran, masalah kewangan, sokongan sosial yang rendah, dan penyalahgunaan substans adalah punca utama. Isu kesihatan mental kini dilihat menjadi salah satu punca utama yang menjejaskan kesejahteraan fizikal dan sosial individu.

PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KAUNSELING DI MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sehingga Ogos 2024, terdapat 11,790 kaunselor berdaftar di Lembaga Kaunselor Malaysia, dengan jumlah ini dijangka meningkat seiring dengan keperluan dan kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling. Menjelang 2030, negara akan memfokuskan usaha untuk memastikan perkhidmatan kaunseling lebih inklusif, terutamanya bagi golongan rentan dan penduduk luar bandar, dalam persediaan menghadapi status negara tua. Sasaran nisbah Kaunselor berdasarkan populasi mengikut umur menjelang

2040 adalah 1:250 untuk kanak-kanak (0-14 tahun), 1:500 untuk remaja dan dewasa (15-64 tahun), dan 1:500 untuk warga emas (65 tahun ke atas).

11. Pada ketika ini, kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO telah menghasilkan pelbagai perkhidmatan kaunseling dan bantuan sosial. Antara inisiatif penting adalah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH), Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), Talian Kasih 15999, Talian HEAL 15555, HelplineFamilyCare@LPPKN, The Befrienders KL, dan Mental Illness Awareness & Support Association (MIASA). Inisiatif-inisiatif ini bertujuan membantu masyarakat mengatasi isu kesihatan mental dan meningkatkan kesejahteraan diri.

12. Menyedari akan kepentingan dan keperluan perkhidmatan kaunseling yang semakin signifikan, Kementerian ini juga kini sedang giat dalam merangka **Dasar dan Pelan Perkhidmatan Kaunseling Negara**. Di harap dasar dan pelan ini bukan sahaja dapat meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling malah turut mengurangkan stigma negatif masyarakat terhadap perkhidmatan ini, meningkatkan profesionalisme kaunseling serta menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

KAEDAH PENGANJURAN SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2024

13. Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024 disambut di seluruh negara dengan pelbagai program dan aktiviti. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua kaunselor daripada pelbagai agensi kerajaan, IPTA/IPTS dan Badan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA), Persatuan Kaunseling & Psikologi MARA Malaysia (PEKAMARA), Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA) dan banyak lagi yang tidak dapat dinyatakan di sini yang sentiasa memberikan sokongan yang padu dalam melaksanakan program dan aktiviti sempena sambutan ini. Komitmen dan usaha yang berterusan oleh semua kaunselor wajar diberi pujian dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada masyarakat di seluruh negara.

14. Salah satu program yang akan diadakan sempena sambutan ini adalah **Jelajah Kaunseling DiHati Rakyat**. Program ini merupakan kolaborasi bersama agensi-agensi di bawah KPWKM dan komuniti setempat. Jelajah ini bertujuan membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat, meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling selain memperlihatkan profesion kaunselor sebagai tunjang kesejahteraan masyarakat. Jelajah ini akan dilaksanakan mengikut enam (6) zon termasuk zon Sabah dan Sarawak.

PERANAN KAUNSELOR DAN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM KOMUNITI

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

15. Melalui Lembaga Kaunselor Malaysia sentiasa meningkatkan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan sokongan psiko-sosial bagi mengurangkan kesan psikologi yang dialami oleh masyarakat. Perkhidmatan ini dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai medium seperti khidmat dalam talian, media elektronik, media cetak serta media sosial. Jumlah kes intervensi kaunseling yang dikendalikan oleh agensi di bawah KPWKM bagi seluruh negara bagi tahun 2022 sehingga Jun 2023 berjumlah **95,641**. Mengikut data daripada gabungan pusat-pusat kaunseling persendirian sejumlah **3,500** kes intervensi telah dikendalikan oleh kaunselor berdaftar.

16. Setiap intervensi mempunyai cabaran dan keperluan yang berbeza. Seseorang kaunselor profesional itu perlu sentiasa bersedia untuk menambahkan kemahiran dan keilmuan dengan cara berdaftar dan memperbaharui perakuan amalan dwi tahunan dengan cara pengumpulan 20 mata *Continuous Profesional Development (CPD)*. Kaunselor berdaftar dan mempunyai Perakuan Amalan diakui lebih profesional dan seterusnya membina keyakinan klien terhadap kaunselor.

17. Keberhasilan daripada intervensi dan perancangan yang dijalankan oleh kaunselor seharusnya berupaya mengembalikan semula individu untuk bersama-sama masyarakat sekeliling dalam kehidupan seharian. Namun begitu, walaupun peranan kaunselor dalam komuniti sangat penting, kaunselor juga perlu menjaga kesejahteraan mereka dari segi psikologi, emosi dan fizikal, "*To be a good counsellor you have to take care of your wellbeing*". Anda adalah wira yang tidak didendang, membimbing orang ramai melalui saat paling gelap dalam kehidupan, membantu mereka menemui semula cahaya dan harapan (*See the Light at the End of the Tunnel*).
18. Saya amat menghargai sumbangan SKB dan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang bertugas di Talian Kasih 15999, Pusat Sokongan Sosial Setempat dan yang menjalankan intervensi di lapangan semasa berlaku krisis dan kaunseling dalam talian "Helpline FamilyCare@LPPKN" oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Sesungguhnya pengorbanan sebagai sukarelawan ini amat di sanjungi.
19. KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan seramai **2,500** kaunselor berdaftar sebagai sukarelawan kaunselor berdaftar (SKB) sebagai entiti formal membantu masyarakat menangani isu psikososial dan menyediakan bantuan kaunseling profesional kepada mangsa dan waris yang tersasar. Secara pentadbiran, pewujudan SKB di zon utara, tengah selatan dan timur diharapkan dapat menyelaraskan program untuk mendekati dan membantu

masyarakat. SKB juga terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui Talian Kasih 15999 dan sejak **Mac 2020 sehingga 31 Julai 2023 sebanyak 4,045** kes telah diberi intervensi kaunseling.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

20. Harapan saya agar penganjuran Bulan Kaunseling Kebangsaan memberi manfaat bukan sahaja kepada kaunselor itu sendiri, malah berupaya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat kepada kepentingan kaunseling sebagai kaedah intervensi yang membantu meningkatkan kesejahteraan individu dan juga masyarakat. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kaunselor berdaftar di seluruh negara atas komitmen yang telah diberikan dalam membantu masyarakat. Aksesibiliti perkhidmatan kaunseling hendaklah diberikan kepada semua lapisan masyarakat bermula dari Perlis merentasi ke Sarawak. **INI BULAN KITA, TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI. #KamiDengarKamiBantu.**
21. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran BKK tahun ini. Mudah-mudahan penganjuran kali ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan kesihatan mental masyarakat melalui perancangan aktiviti dan program yang telah disediakan sepanjang tempoh sambutan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024.**

Wabilahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT